



KOPERASI TUNAS MUDA SUNGAI ARA BERHAD

No. 126, Jalan Dato' Ismail Hashim, Taman Tunas Muda, Sg. Ara, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang
Tel: 04-643 8515 Fax: 04-643 7507 E-mail: mail@tunasmuda.com.my Web: www.tunasmuda.com.my

KTM.010/AA/2025 (2)

18 Jun 2025

Anggota-Anggota,
Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad.

Tuan/Puan,

MAKLUMAN TERKINI BERKAITAN ATURCARA MAJLIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE 52 KOPERASI TUNAS MUDA SUNGAI ARA BERHAD DAN NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE 52 KOPERASI TUNAS MUDA SUNGAI ARA BERHAD BERTARIKH 27 MEI 2025

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Untuk makluman anggota, Mesyuarat Khas Lembaga 5/2025 pada 18 Jun 2025 telah memutuskan membuat pindaan pada perkara berikut :-

Aturcara Majlis Mesyuarat Agung Tahunan Ke 52 Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad

1. Pendaftaran untuk kehadiran mesyuarat secara E-Daftar sahaja tanpa pengundian akan bermula pada jam 7.30 pagi sehingga 10.30 pagi. Selepas pendaftaran, anggota akan menerima baucer minyak Petronas bernilai RM50.00 dan Petron bernilai RM50.00.
2. Baucer elaun kehadiran mesyuarat berjumlah RM200.00 hanya akan diberikan kepada anggota selepas agenda ke 5 iaitu memilih empat (4) Anggota Lembaga bagi tahun 2025/2028.

Notis Mesyuarat Agung Tahunan Ke 52 Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad Bertarikh 27 Mei 2025

1. Agenda ke 7 iaitu memilih empat (4) Anggota Lembaga bagi tahun 2025/2028 akan dipinda dan dibentangkan pada agenda yang ke 5 iaitu selepas mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-51 yang telah diadakan pada 23 Jun 2024.
2. Anggota diwajibkan berada di dalam dewan untuk melaksanakan hak anggota iaitu membuat pengundian pada agenda 1,2,3 dan 5 iaitu :-
 - (a) **Agenda 1** - Tindakan Penggantungan Dan Penamatan Anggota Oleh Mesyuarat Agung Mengikut Undang-Undang Kecil 23 Keanggotaan Tuan Haji Manap bin Md Diah (1807);
 - (b) **Agenda 2** - Tindakan Penggantungan Dan Penamatan Anggota Oleh Mesyuarat Agung Mengikut Undang-Undang Kecil 23 Keanggotaan Encik Sabri bin Abdul Rani (2652);
 - (c) **Agenda 3** - Tindakan Penggantungan Dan Penamatan Anggota Oleh Mesyuarat Agung Mengikut Undang-Undang Kecil 23 Keanggotaan Datuk Ir. Mansor bin Musa (2176);
 - (d) **Agenda 5** - Memilih Empat (4) Anggota Lembaga Bagi Tahun 2025/2028.

Sekian, terima kasih.

Yang menjalankan tugas,

(ZULKEFLE BIN AHMAD)

Setiausaha

Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad